

17 NOV 1999

MCA - Calon (Fokus Berita)

CALON MCA TERUSKAN PERJUANGAN MEMBELA RAKYAT

PULAU PINANG, 17 Nov (Bernama) -- Sebahagian teka-teki mengenai siapa calon Barisan Nasional (BN) di Pulau Pinang sudah terjawab apabila MCA mengekalkan kesemua sembilan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan dua anggota Parlimennya pada pilihan raya umum ke-10 29 Nov ini.

Keputusan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk mengekalkan kesemua calon MCA di negeri ini membuktikan keyakinan parti terhadap keupayaan mereka menjalankan tugas dengan cemerlang pada penggal lalu, dan atas alasan itu khidmat mereka diteruskan untuk membawa kemajuan rakyat untuk tempoh lima tahun lagi.

Keputusan itu juga memberi peluang kepada kesemua ADUN dan anggota Parlimen dari parti itu untuk meneruskan perancangan jangka panjang, yang telah diusahakan sejak empat setengah tahun lalu.

Faktor bahawa mereka memahami masalah, kehendak dan keperluan rakyat di kawasan masing-masing memudahkan mereka mengenal pasti langkah-langkah seterusnya untuk membantu penduduk setempat.

Bagaimanapun, persoalan yang timbul ialah sejauh mana calon-calon MCA mampu memikul harapan parti dan penyokong untuk mendapatkan semula mandat rakyat di kawasan yang mereka wakili dan sekaligus membantu kejayaan BN di negeri ini?

Melihat kepada kerjasama dan sokongan yang diberikan pengundi di kawasan masing-masing, beberapa pemerhati politik berpendapat calon MCA kini lebih bersemangat untuk berkhidmat kepada rakyat setelah kehadiran mereka diterima dengan tangan terbuka oleh masyarakat setempat.

Mereka yakin usaha bersungguh-sungguh yang ditunjukkan calon-calon itu pada penggal lalu mampu mengembalikan sokongan rakyat di 11 kawasan itu dan berharap calon MCA dapat menembusi kubu DAP di kawasan Parlimen Bagan, satu-satunya kerusi yang gagal dikuasai parti itu pada pilihan raya lalu.

Calon-calon yang dikekalkan itu ialah Pengerusi MCA Negeri, Datuk Dr Sak Cheng Lum (Bagan Jermal), Datuk Koay Kar Huah (Bukit Gelugor), Dr Loh Hock Hun (Paya Terubong), Lye Siew Weng (Air Itam), Lim Gim Soon (Kampung Kolam), Lee Hack Teik (Pengkalan Kota), Loo Ah Dee (Sg Puyu), Lau Chiek Tuan (Berapit), Puan Tan Cheng Liang (Jawi) manakala Wong Kam Hoong dan Dr Tan Chong Keng, masing-masing mewakili kawasan Parlimen Bayan Baru dan Bukit Mertajam.

Calon wanita tunggal MCA di Pulau Pinang, Tan Cheng Liang, yang juga Penolong Setiausaha Jawatankuasa Perhubungan MCA Negeri, yang akan mempertahankan kerusinya di Jawi berkata, beliau yakin rakyat mempunyai kesedaran politik yang cukup tinggi dan memahami peri pentingnya mempunyai sebuah kerajaan yang dapat menjamin keamanan, kestabilan dan perpaduan kaum di negara ini.

Katanya, perkembangan dunia pendidikan menjadikan lebih ramai rakyat berpelajaran dan boleh membezakan apa yang baik dan apa yang buruk untuk negara.

Katanya, sokongan jutaan rakyat kepada kerajaan BN pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad amat besar dan boleh diukur melalui penyertaan mereka di dalam pelbagai kempen kenegaraan anjuran kerajaan seperti Kempen Cintai Negara, Program Berjalan Untuk Negara dan Malaysia Boleh.

"Saya yakin rakyat Pulau Pinang boleh membuat penilaian yang bijak terhadap calon-calon yang mampu memberikan perkhidmatan yang baik dan mengetepikan pembangkang yang hanya pandai mencetuskan rasa marah dan

perbalahan sesama sendiri," katanya.

Tan berazam untuk meningkatkan mutu hidup rakyat di kawasannya dan juga negeri ini secara keseluruhannya.

Katanya, beliau bercadang menubuhkan sebuah pusat kaunseling bagi wanita di kawasannya, yang juga akan menjadi institusi menggalakkan kaum wanita luar bandar bermasyarakat dan menimba ilmu pengetahuan.

"Kalau dahulu, wanita di kawasan Jawi lebih banyak terperap di rumah dan sibuk menguruskan hal rumah tangga sahaja tetapi sejak beberapa tahun kebelakangan ini saya berjaya menarik mereka menceburi pelbagai kegiatan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)," katanya.

Setelah fasa pertama usahanya membangunkan kemudahan infrastruktur di kawasan itu berjaya, yang suatu ketika dahulu amat mundur, kini Tan mengorak langkah untuk fasa kedua membangunkan masyarakat yang berjiwa mulia, penyayang, berilmu dan bermoral.

"Amat penting golongan wanita diberi ilmu pengetahuan kerana apabila seorang ibu terdidik, maka seluruh anggota keluarganya juga dapat dididik dengan baik," katanya.

Katanya, wanita kini tidak lagi terperap di cerok dapur malahan mereka boleh bersama-sama membantu kerajaan membangunkan masyarakat dan negara.

Selain itu, golongan belia juga harus diberi perhatian dan bagi tujuan itu beliau telah berjaya mendapatkan sebidang tanah yang luasnya lebih 1.6 hektar berhampiran Perpustakaan Daerah di Jawi untuk dijadikan Pusat Kegiatan Belia.

Katanya, pusat berharga RM5 juta itu boleh menempatkan pelbagai kegiatan Rakan Muda dan ia merupakan sebuah daripada dua pusat seumpama itu yang akan didirikan di negeri ini.

"Impian saya ialah untuk mewujudkan masyarakat yang prihatin, stabil, makmur dan bersatu hati demi kepentingan anak cucu. Sebagai insan, tiada apa yang lebih menggembirakan selain melihat negara dan rakyat maju, tetapi kita masih tidak hilang nilai-nilai moral yang mulia," katanya.

Katanya, sebelum beliau menjadi ADUN di kawasan itu pada 1995, kawasan itu dikuasai pembangkang dan banyak kemudahan infrastruktur, pembangunan wanita dan pendidikan jauh ketinggalan.

Tan menewaskan Goh Kheng Huat (DAP) dengan majoriti 661 undi pada pilihan raya umum kesembilan lalu.

Apa yang membuatkan calon MCA begitu menyerlah di Pulau Pinang ialah mereka mempunyai manifesto sendiri mengenai perjuangan masing-masing, yang lebih bersifat melengkapi perjuangan BN.

Lee Hack Teik (BN-Pengkalan Kota), yang juga Setiausaha Pengelola Jawatankuasa Perhubungan MCA Negeri, menggariskan lapan perkara sebagai wawasan perjuangannya pada pilihan raya kali ini, antaranya mengekalkan kawasan Pengkalan Kota sebagai nadi pertumbuhan Pulau Pinang, menyelesaikan masalah banjir, memenuhi keperluan perumahan rakyat, menggalakkan pendidikan, meningkatkan kualiti kemudahan awam, menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas serta mewujudkan alam sekitar yang sihat, memenuhi keperluan belia dan mencapai matlamat Wawasan 2020.

Katanya, sepanjang 40 tahun, kawasan Pengkalan Kota dikuasai pembangkang, dan oleh itu banyak kemudahan infrastruktur perlu disediakan dan diperbaiki untuk kemudahan rakyat.

Beliau berkata, sejak BN memenangi kerusi Pangkalan Kota pada 1995, 70 peratus daripada kabel bekalan elektrik dan 80 peratus paip bekalan air yang berusia kira-kira 60 tahun di kawasan itu telah diganti baru melibatkan perbelanjaan lebih RM3 juta.

Katanya, hasil rundingan dengan pemilik premis yang terbabit, dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa, beliau gembira dengan kesediaan 30 peratus pemilik berkenaan untuk tidak menaikkan kadar sewaan melebihi 50 peratus.

Katanya, projek tebatan banjir S10 dan S18 yang dijadualkan siap pada

Jun tahun depan juga akan mengatasi masalah banjir di kawasan itu.  
-- BERNAMA  
ZU RI